

Newspaper

Berita Harian

Date

2 March 2016

UMNO belum terima surat Dr M

BH-2/3/2016

Putrajaya: Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata sehingga semalam, beliau belum menerima sebarang surat rasmi daripada Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakan keluar parti itu.

"Saya tidak dapat lagi," katanya ringkas ketika ditanya pemberita di Menara Sri Wilayah, di sini semalam.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri itu mengumumkan beliau dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta-merta.

Tengku Adnan berkata, UMNO kini mencatatkan peningkatan keahlian pada setiap bulan.

Terdahulu, Tengku Adnan, yang juga Ahli Parlimen Putrajaya merangkap Menteri Wilayah Persekutuan, menghadiri Sesi Perjumpaan Menteri Wilayah Persekutuan bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan.

Katanya, agenda utama pertemuan yang diadakan setiap tahun itu bertujuan mendengar dan membincangkan permasalahan rakyat yang



Tengku Adnan ketika mengadakan pertemuan dengan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

tinggal di Wilayah Persekutuan melalui Ahli Parlimen.

Bincang isu perumahan

"Pada sesi perjumpaan kali ini, kita putuskan untuk mengadakan bengkel khusus bagi membincangkan masalah perumahan di sekitar Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur.

"Satu sesi khas akan diada-

kan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi mencari penyelesaian kepada permasalahan itu," katanya.

Sementara itu, berhubung cadangan mewujudkan litar khas untuk 'mat motor' berlumba secara sah di jalan raya, Tengku Adnan berkata untuk menyelesaikan permasalahan

berkaitan golongan itu, punca kenapa ia berlaku perlu dicari.

"Salah satu cara adalah memberi mereka ruang untuk lakukan apa yang diminati. Kita juga tahu ada sindiket yang memperalatkan mereka menggunakan cara perjudian apabila perlumbaan haram diadakan. Ini permasalahan yang perlu kita atasi," katanya.